

**HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK**  
(Klik di sini untuk [Versi ENGLISH](#))

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ("HPP") ini bersama Surat Tawaran Pembiayaan sebelum anda membuat keputusan untuk memohon **Pembiayaan Kredit Pusingan Komoditi Murabahah-i** daripada Hong Leong Islamic Bank ("Bank").

Maklumat yang diberikan hanyalah maklumat tentang produk secara umum. Pastikan anda membaca terma dan syarat terakhir dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan untuk pembiayaan.

Sila dapatkan penjelasan dari pihak Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma umumnya.



**Kredit Pusingan Komoditi Murabahah -i  
(CMRC-i) Hong Leong**

**November 2024**

**1. Apakah produk ni?**

- CMRC-i adalah kemudahan pembiayaan pusingan jangka pendek secara Islam yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Dibawah kemudahan ini harga jualan yang sebenar (iaitu prinsipal dan keuntungan), tempoh pembiayaan dan tarikh matang mesti ditetapkan pada tarikh pembiayaan atau tarikh penggunaan kemudahan tersebut.
- Kemudahan ini biasanya digunakan untuk membiayai pembelian asset dan modal kerja dalam menyokong operasi harian syarikat.

**2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan?**

Kontrak Syariah yang digunakan adalah *Tawarruq*. *Tawarruq* merujuk kepada 2 kontrak jualan dan belian. Yang pertama melibatkan penjualan aset (komoditi) oleh Bank kepada Pelanggan dengan harga tertangguh. Kemudian, Pelanggan akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai.

Berikut adalah mekanisma bagi produk CMRC-i:

- Pihak Bank membeli komoditi\* (yang digunakan sebagai aset pendasar) pada harga bersamaan dengan Amaun Pembiayaan (nilai yang bersamaan dengan Harga Belian Komoditi seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran) daripada pembekal komoditi secara lani ("on spot") sebagai principal. Bank sekarang menjadi pemilik komoditi.
- Pelanggan melantik pihak Bank sebagai ejen (*wakil*) bagi pihak pelanggan untuk membeli komoditi dari pihak Bank dan juga melantik pihak Bank sebagai ejen untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.
- Bank menjual komoditi kepada Pelanggan dengan harga kos dan keuntungan (*Murabahah\*\**) pada Harga Jualan (iaitu nilai yang bersamaan dengan Harga Jualan Komoditi seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran) secara bayaran tertangguh. Berdasarkan pelantikan ejen di atas, Bank akan menjadi wakil bagi pihak Pelanggan untuk menerima/membeli jualan komoditi oleh Bank kepada Pelanggan. Pelanggan sekarang menjadi pemilik komoditi.
- Sebagai pemilik komoditi, Pelanggan boleh memilih untuk:
  - mengambil serahan/miliki fizikal di atas perbelanjaannya sendiri; atau
  - menjual komoditi tersebut secara tunai kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai;
- Jika Pelanggan memilih 4(b), Bank (sebagai ejen kepada Pelanggan) akan menjual komoditi milik Pelanggan pada Amaun Pembiayaan kepada pihak ketiga secara lani untuk mendapatkan tunai.
- Bank akan menggunakan hasil jualan itu untuk diberikan kepada Pelanggan sebagai pembiayaan.

\* Komoditi :-

(a) Komoditi adalah dalam bentuk Minyak Sawit Mentah atau apa-apa komoditi yang patuh Syariah yang akan didagangkan bagi mendapatkan tunai untuk pembiayaan. Komoditi yang digunakan mestilah diterima oleh pihak-pihak yang terlibat dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

(b) Perdagangan komoditi dijalankan melalui platform perdagangan pelbagai komoditi yang boleh melaksanakan transaksi *Tawarruq* dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

\*\* Murabahah:

Murabahah ialah jualan dan belian sesuatu aset dimana kos pemerolehan dan tambahan (keuntungan) dinyatakan kepada Pelanggan.

### 3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Pelanggan dibenarkan untuk membuat pengeluaran berbilang (Transaksi Nota) selagi jumlah pengeluaran yang dibuat pada satu masa tidak mele过i had maksima kemudahan yang diluluskan.
- Tempoh pembiayaan bagi setiap Transaksi Nota (pengeluaran) adalah bergantung kepada kelulusan Bank. Tempoh yang dibenarkan adalah antara minimum 1 bulan sehingga maksimum 12 bulan bergantung kepada kelulusan Bank.
- Harga Jualan iaitu amaan prinsipal dan keuntungan, akan ditetapkan pada hari dan masa yang sama pembiayaan dibuat dan pengiraannya adalah berdasarkan Kadar Keuntungan yang dikenakan oleh pihak Bank seperti berikut:

#### **Ilustrasi sahaja**

Jumlah Fasiliti / Had	:	RM1,000,000.00
Transaksi Nota (Harga belian komoditi)	:	RM400,000.00
Tempoh	:	60 hari
Kadar Keuntungan	:	5.35% p.a.
Jumlah Harga Jualan Komoditi	:	RM403,517.81
Kadar Keuntungan	:	RM3,517.81

### 4. Apakah tanggungjawab saya?

- Untuk setiap pembiayaan, anda mempunyai pilihan untuk membuat pembayaran seperti berikut:
  - Pembayaran keuntungan yang berkala (dibuat sama ada setiap bulan, suku tahunan, atau setengah tahunan) dan bayaran prinsipal penuh; atau
  - Pembayaran penuh bagi keseluruhan jumlah keuntungan dan prinsipal (pada tempoh matang)
- Harga Jualan komoditi perlu dibayar sepenuhnya pada tempoh matang.

### 5. Apakah jenis fi dan caj yang perlu dibayar?

Untuk maklumat berkenaan fi dan caj, anda boleh layari laman sesawang fi dan caj Bank di <https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/bcb-i-financing.html>

### 6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

<b>Caj Pampasan bagi Bayaran Lewat (<i>Ta'widh</i>)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>a) Bagi kemungkinan pembayaran berjadual semasa tempoh kemudahan = Sehingga 1% setahun ke atas amaan tertunggak.</li><li>b) Bagi kemungkinan menyebabkan kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah = Sehingga 1% setahun ke atas jumlah baki semasa (baki pokok tertunggak dan keuntungan terakru);</li><li>c) Bagi kemungkinan pembayaran selepas tamat tempoh kemudahan = Kadar semalam hanan Pasaran Wang antara Bank Secara Islam ("IIMM") di Bank Negara Malaysia ("BNM") ke atas baki semasa (baki pokok dan keuntungan terakru)</li><li>d) Bagi kemungkinan pembayaran selepas penghakiman mahkamah telah diperolehi = Kadar semalam hanan IIMM di BNM ke atas jumlah penghakiman asas.</li></ul>
<b>Hak Penolakan</b>	Bank boleh menolak selesai/memotong apa-apa dari baki kredit yang terdapat di dalam akaun deposit anda di Bank untuk menjelaskan apa-apa baki belum jelas tertakluk kepada pengeluaran <u>notis bertulis 7 hari terlebih dahulu kepada anda</u> .
<b>Hak untuk Memulakan Proses Pemulihan Semula dan Tindakan Undang-undang</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Tindakan undang-undang akan dikenakan jika anda gagal untuk memberi respons kepada notis-notis peringatan.</li><li>Aset anda mungkin dirampas dan anda perlu menanggung semua kos. Sekiranya hasil dari jualan aset tersebut tidak cukup untuk melangsikan amaan tertunggak sepenuhnya, anda bertanggungjawab untuk menyelesaikan kekurangan tersebut.</li><li>Pihak bank boleh memulakan aktiviti pemulihan (termasuk menggunakan agensi pengutipan hutang daripada pihak ketiga), prosiding perampasan dan kebankrakan.</li></ul> <p><b>Nota:</b> <i>Tindakan undang-undang yang diambil ke atas anda akan menjaskan penarafan kredit dan kemampuan anda untuk mendapatkan sebarang pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan lain.</i></p>

## 7. Apakah yang akan berlaku jika saya menjelaskan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Bank akan memberi rebat (ibra') jika pembiayaan dijelaskan dengan lebih awal. Formula rebat adalah seperti berikut:

Rebat hasil langsian pembiayaan awal = Baki Keuntungan Yang Belum Diperolehi (-) \*Caj Langsian Awal (jika ada)

**Nota:** (i) *Baki Tidak Diterima = Jumlah Keuntungan – Keuntungan Terakru*

(ii) *Jumlah Keuntungan = Harga Jualan – Jumlah Pembiayaan*

(iii) *Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (EPR) ke atas Jumlah Pembiayaan yang diberikan*

\* Bagi apa-apa kos sebenar yang ditanggung oleh Bank seperti kadar yang telah didiskaunkan, fi guaman, fi pengeluaran, duti setem dan fi penilaian.

## 8. Adakah saya perlu mengambil perlindungan takaful?

Anda mempunyai pilihan untuk mengambil cadangan atau keperluan perlindungan takaful seperti di bawah:

- Takaful Pengurangan Gadai Janji Bertempoh (MRTT) atau sijil/polisi takaful perlindungan yang seumpamanya untuk melindungi syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal atas pelanggan atau orang utama dalam syarikat (jika berkenaan)
- Takaful kebakaran jika harta diberikan cagaran untuk pembiayaan (wajib)

## 9. Apakah risiko utama?

Jika ada pengurangan dalam Kadar Keuntungan semasa dalam Tempoh Pembiayaan, anda tidak dapat menikmati apa-apa pengurangan dalam kadar keuntungan / pembiayaan yang dipersetujui. Kadar keuntungan bagi setiap pengeluaran/penggunaan akan ditentukan dan ditetapkan terlebih dahulu pada hari pengeluaran/penggunaan dibuat.

## 10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan maklumat dalam butiran peribadi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, sila hubungi kami di +603-76268899 atau kunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara

## 11. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

### Hong Leong Islamic Bank Berhad, Commercial & SME Banking

Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong, No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

No.Telefon : +603-7661 7777

E-mel : [sme@hlbb.hongleong.com.my](mailto:sme@hlbb.hongleong.com.my)

Laman Sesawang : [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my)

- Untuk pilihan lain, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan daripada pihak-pihak dibawah:

- a) **Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP)**, yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama antara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS atau SME) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan. Anda boleh menghubungi KNP di:

#### MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC

Alamat : Pegawai Penasihat KNP dimana-mana cawangan diseluruh negara.

Untuk lokasi cawangan, sila rujuk kepada laman web CGC di <https://www.cgc.com.my/cgc-branches/?lang=my>.

No Telefon : 03- 7880 0088

E-Mel : [myknp@cgc.com.my](mailto:myknp@cgc.com.my)

Laman Sesawang : <https://www.bnm.gov.my/MyKNP>

- b) **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai platform setempat yang menyediakan perkhidmatan penstrukturran pembiayaan, pendidikan kewangan dan nasihat kredit kepada individu dan juga PKS atau SME. Anda boleh menghubungi AKPK di:

#### Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Alamat : Tingkat 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Telefon No : 1-800-88-2575

E-mail : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

Laman Sesawang : <https://www.akpk.org.my/smehelpdesk>

<ul style="list-style-type: none"> <li>Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:</li> </ul> <p><b>Customer Advocacy</b></p> <table> <tbody> <tr> <td>Alamat</td><td>: Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur</td></tr> <tr> <td>No.Telefon</td><td>: 03-7626 8821/ 03-7626 8802/ 03-7626 8812</td></tr> <tr> <td>E-mel</td><td>: <a href="mailto:customerservice@hlbb.hongleong.com.my">customerservice@hlbb.hongleong.com.my</a></td></tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:</li> </ul> <p><b>Bank Negara Malaysia LINK atau BNMLINK</b></p> <table> <tbody> <tr> <td>Alamat</td><td>: Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No 10, Jalan Dato Onn, 50480 Kuala Lumpur.</td></tr> <tr> <td>No. Telefon</td><td>: 1-300-88-5465</td></tr> <tr> <td>Faks</td><td>: 03-2174 1515</td></tr> <tr> <td>Laman Sesawang</td><td>: <a href="https://bnmlink.bnm.gov.my">https://bnmlink.bnm.gov.my</a></td></tr> </tbody> </table>	Alamat	: Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur	No.Telefon	: 03-7626 8821/ 03-7626 8802/ 03-7626 8812	E-mel	: <a href="mailto:customerservice@hlbb.hongleong.com.my">customerservice@hlbb.hongleong.com.my</a>	Alamat	: Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No 10, Jalan Dato Onn, 50480 Kuala Lumpur.	No. Telefon	: 1-300-88-5465	Faks	: 03-2174 1515	Laman Sesawang	: <a href="https://bnmlink.bnm.gov.my">https://bnmlink.bnm.gov.my</a>
Alamat	: Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur													
No.Telefon	: 03-7626 8821/ 03-7626 8802/ 03-7626 8812													
E-mel	: <a href="mailto:customerservice@hlbb.hongleong.com.my">customerservice@hlbb.hongleong.com.my</a>													
Alamat	: Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No 10, Jalan Dato Onn, 50480 Kuala Lumpur.													
No. Telefon	: 1-300-88-5465													
Faks	: 03-2174 1515													
Laman Sesawang	: <a href="https://bnmlink.bnm.gov.my">https://bnmlink.bnm.gov.my</a>													
<b>12. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?</b>														
Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang CMRC-i, sila kunjungi mana-mana pusat perniagaan kami di seluruh negara atau anda boleh melayari laman sesawang kami di <a href="http://www.hlisb.com.my..">www.hlisb.com.my..</a>														
<b>13. Lain-lain Pakej Pembiayaan</b>														
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah-i Hong Leong</li> <li>Pembiayaan Berjangka Fleksi Komoditi Murabahah-i Hong Leong</li> <li>Pembiayaan Pembiayaan Aliran Tunai-i Hong Leong</li> <li>Pembiayaan Perdagangan Islamik</li> <li>Sewa Beli Perindustrian-i Hong Leong</li> </ul>														
<p><b>NOTIS PENTING</b></p> <p><b>BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN PERAMPASAN ASET YANG DIBIAYAI OLEH / DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK, JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT BAYARAN ANDA TEPAT PADA WAKTUNYA.</b></p> <p><b>Sila Baca Maklumat Di Dalam HPP Ini Dengan Berhati-Hati Untuk Memastikan Anda Tahu Dan Faham Akan Terma-Terma Produk Dan Bersetuju Untuk Terikat Dengannya.</b></p>														

Maklumat yang disediakan dalam HPP ini sah pada November 2024